

Ancaman hakisan makin serius

» Penduduk Kampung Permata kongsi tenaga, kewangan guna pagar zink elak air pasang



Ahmad
(dua dari kiri)
menunjukkan
kesan hakisan
menghampiri
Surau Kam-
pung Permata,
Pontian.

[FOTO TOGI
MARZUKI / BH]

Oleh Togi Marzuki
bhjb@bh.com.my

► Pontian

Kira-kira 50 keluarga di Kampung Permata, dekat sini bimbang dengan keselamatan dan keadaan rumah masing-masing berikutan ancaman hakisan serius.

Masalah hakisan tanah yang berterusan sejak lebih 10 tahun itu kini semakin membimbangkan terutama apabila air pasang.

Jejas rumah penduduk, kawasan surau

Selain rumah penduduk, hakisan turut menjejaskan kawasan surau di kampung berkenaan dan usaha penduduk berkongsi tenaga dan kewangan memagar

dengan zink tidak memadai.

Imam surau, Abu Bakar Aziz, 59, berkata ketika ini hakisan tanah sudah menghampiri kawasan surau, sekali gus mengancam jemaah jika air pasang dan arus deras.

Katanya, selama ini pelbagai cara dilakukan untuk mengelak hakisan merebak termasuk membina benteng namun tidak berhasil, sebaliknya kayu atau tanah itu dihanyutkan air.

“Kami bersama jemaah berkongsi tenaga dan wang untuk memagar sekitar kawasan surau dengan menggunakan zink tetapi ia tidak memadai kerana air pasang tetap melimpahi kawasan ini,” katanya.

Penduduk, Azizah Abd Rahman, 53, berkata beliau sekeluarga berasa tidak selamat terutama pada waktu malam kerana bimbang dengan kesan hakisan.

Katanya, bagi mengurangkan risiko, pelbagai usaha dilakukan penduduk termasuk bergotong-royong menimbus tanah atau batu tetapi usaha itu tidak banyak membantu.

“Kami harap pihak bertanggungjawab segera membina benteng bagi keselamatan penduduk. Walaupun setakat ini tiada kecederaan menimpa penduduk, ia tetap membimbangkan kami,” katanya.

Usahakan peruntukan

Ahli Parlimen Pontian, Datuk Ahmad Maslan, yang meninjau masalah itu berkata pihaknya akan berusaha menyokong permohonan peruntukan RM7 juta dari Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar bagi menangani masalah itu.

Juruterua Pengairan dan Saliran (JPS) Pontian, Zainol Abidin Che' Lah, hadir sama.